

AS sepatut bertindak lebih awal tahan pengganas terbabit

UM 8 JAN 2005
KUALA LUMPUR 7 Jan.

— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pengganas yang disyaki terbabit dalam serangan di Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York sepatutnya ditangkap lebih awal oleh Amerika Syarikat (AS) kerana mereka berada di negara itu selama hampir setahun, sebelum tercetusnya peristiwa tersebut.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia tidak boleh dipersalahkan dalam kejadian itu kerana AS sepatutnya menangkap mereka terlebih dahulu.

“Kita dipersoalkan sebab apa tidak menangkap pengganas itu, mereka tinggal di Amerika dekat setahun, sebab apa tidak ditangkap, sepatutnya tangkaplah mereka di situ,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, mereka mungkin meran-

cang perbuatan tersebut semasa berada di negara berkenaan.

Katanya, pihak yang menyalahkan Malaysia berhubung kejadian itu sebenarnya tidak memahami keadaan sebenarnya yang berlaku.

Beliau berkata demikian pemberita selepas melancarkan **Mailis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga (MAPPA III)** di Institut Tadbiran Awam (INTAN) Bukit Kiara, dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri menambah, pengganas terbabit juga memasuki Switzerland sebagai pelancong dan mereka juga tidak ditangkap oleh pihak berkuasa negara berkenaan.

“Mereka yang mempersoalkan perkara ini sebenarnya tidak faham langsung mengenai apa yang berlaku, mana kita nak tau dia nak langgar (WTC),” katanya.

Sabtu lalu, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak boleh dipersalahkan terhadap ‘Peristiwa 11 September’ yang berlaku di AS kerana tidak mengambil tindakan awal menahan dua orang yang disyaki terbabit ketika mereka berada di negara ini.

Dua lelaki itu, Khalid al-Mihdhar dan Nawaf Al-Hazmi, yang dikatakan terbabit dalam serangan berkenaan, dikesan berada di negara ini pada 5 hingga 8 Januari tahun lalu. Perdana Menteri berkata, mereka memasuki negara ini sebagai pelancong biasa.

“Mana kita tahu (mereka itu pengganas), kalau Boeing tak buat kapal terbang atau pilot (juruterbang) kapal terbang sakit perut tidak jadi bawa kapal terbang, tak jadi juga (Peristiwa 11 September),” katanya.